

ANALISA PERKEMBANGAN KERANGKA PERUNDANGAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL DI MALAYSIA

ANALYSIS OF THE DEVELOPMENT OF THE LEGAL FRAMEWORK FOR SOCIAL IMPACT ASSESSMENT IN MALAYSIA

¹Nur Atheefa Sufeena M Suaree

²Nurhafilah Musa*

¹Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Corresponding author: hafilah@ukm.edu.my**

ABSTRAK

Penilaian Impak Sosial (Social Impact Assessment, SIA) merupakan instrumen penting dalam menilai kesan sosial projek pembangunan, khususnya yang berdekatan dengan kawasan berpenduduk. Sejak 2015, Malaysia menunjukkan komitmen terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDG), dengan SIA menjadi mekanisme penting dalam memastikan pembangunan inklusif dan mampan. Kajian ini menganalisis perkembangan dan cabaran pelaksanaan SIA dari aspek dasar dan perundangan menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen dan kepustakaan. Dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan SIA di Malaysia tertakluk kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan pelbagai garis panduan, termasuk Manual SIA 2023. Namun, wujud jurang pelaksanaan, termasuk kekangan kos, ketidakseragaman antara negeri dan aspek penguatkuasaan. Oleh itu, penambahbaikan dasar dan perundangan dicadangkan bagi memperkukuh keberkesanan SIA dan menyokong agenda pembangunan lestari negara.

Kata kunci: Penilaian Impak Sosial; Malaysia; Kerangka Perundangan; Perkembangan

ABSTRACT

Social Impact Assessment (SIA) is a crucial evaluation instrument for assessing the social effects of development projects, particularly those situated near populated areas. Since 2015, Malaysia has demonstrated a strong commitment to achieving the Sustainable Development Goals (SDGs), particularly Goal 11: Sustainable Cities and Communities, along with other related goals, including Goals 6, 13, and 15. The role of SIA aligns with these objectives in fostering inclusive, safe, sustainable, and resilient urban and community development. Additionally, SIA is considered one of the key mechanisms in the approval process for development projects in Malaysia. This study aims to analyze the paradigm shift in SIA implementation from policy and legal perspectives in Malaysia. It adopts a qualitative approach through document analysis and literature review, with content analysis as the primary method. The findings indicate that, from a legal standpoint, SIA implementation in Malaysia is governed by the Town and Country Planning Act 1976 (Act 172) and several other formal guidelines. However, legal gaps persist in the implementation of SIA, affecting its effectiveness and impacting stakeholders. Therefore, this study proposes several improvements to existing policies and legal frameworks to strengthen SIA implementation in Malaysia and recommends further research to address the existing gaps.

Keywords: Social Impact Assessment; Malaysia; Legal Framework; Development

PENDAHULUAN

Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment, SIA*) merupakan instrumen penilaian yang digunakan untuk menilai kesan sosial sesuatu cadangan projek pembangunan (Vanclay, 2003; Othman et al., 2023). Seiring dengan perkembangan pesat sektor pembinaan dan infrastruktur, kepentingan SIA semakin diiktiraf (Suaree et al., 2024) sebagai satu mekanisme utama dalam memastikan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Apabila sesuatu projek pembangunan dicadangkan berdekatan dengan komuniti setempat, SIA berperanan sebagai mekanisme penting dalam proses penilaian dan kelulusan projek tersebut (Manual SIA, 2023). Ia bukan sahaja menilai kesan langsung terhadap masyarakat, tetapi juga membantu dalam merangka strategi mitigasi bagi meminimumkan kesan negatif serta mengoptimumkan manfaat kepada pihak berkepentingan.

Vanclay (2003) mendefinisikan SIA sebagai satu proses yang merangkumi analisis, pemantauan, dan pengurusan kesan sosial yang dijangka atau tidak dijangka, sama ada kesan positif atau negatif. Ini menunjukkan bahawa SIA tidak sekadar berfungsi untuk mengenal pasti kesan positif sesuatu projek, tetapi juga memainkan peranan penting dalam mengenal pasti potensi impak negatif yang mungkin memberi kesan kepada kehidupan masyarakat. Antara impak sosial yang sering dianalisis dalam penilaian ini termasuk perubahan dalam struktur sosial, peralihan ekonomi tempatan, akses kepada perkhidmatan asas, peningkatan kesesakan lalu lintas, serta kesan terhadap budaya dan identiti komuniti setempat. Dengan kata lain, SIA menyediakan asas bagi pembuat dasar dan pemaju untuk menilai sejauh

mana sesuatu projek pembangunan boleh diterima oleh masyarakat, serta langkah-langkah penyesuaian yang perlu diambil bagi memastikan pembangunan yang lebih inklusif dan mampan (Suaree et al., 2023)

Burdge dan Vanclay (1995) turut menekankan bahawa SIA merupakan satu proses penting dalam membantu perancangan projek pembangunan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, SIA tidak seharusnya dijalankan semata-mata untuk memenuhi keperluan perundangan dan tuntutan agensi tertentu, tetapi harus dimanfaatkan sebagai satu alat strategik dalam perancangan jangka panjang. Melalui pelaksanaan SIA yang komprehensif, pelbagai data saintifik boleh dikumpulkan, termasuk penilaian pemboleh ubah impak sosial serta analisis yang boleh digunakan dalam merangka dasar dan polisi pembangunan yang lebih efektif. Dalam erti kata lain, SIA bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pematuhan perundangan, tetapi juga sebagai alat yang membantu memperbaiki reka bentuk dan pelaksanaan sesuatu projek dengan mengambil kira kepentingan sosial. Ini bukan sahaja dapat mengurangkan risiko konflik sosial, tetapi juga meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek dengan mengoptimumkan sumber yang ada dan meminimumkan kos tambahan akibat ketidakpuasan hati masyarakat.

Di Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) berperanan dalam mengawal selia perancangan guna tanah, pembangunan, dan pemeliharaan kawasan di ketiga-tiga peringkat pentadbiran, iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, dan kerajaan tempatan (PLANMalaysia, 2011). Dalam konteks ini, sebarang permohonan projek

pembangunan yang memerlukan SIA perlu mendapatkan kelulusan sama ada kelulusan penuh atau secara bersyarat daripada unit SIA di bawah Ketua Pengarah jabatan ini sebelum sesuatu projek diluluskan. Laporan SIA yang dikemukakan oleh pemaju atau perunding akan dirujuk oleh pihak berkuasa berkaitan sebagai asas pertimbangan dalam membuat keputusan, yang bukan sahaja mengambil kira kepentingan ekonomi tetapi juga kesejahteraan sosial masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, walaupun pelaksanaan SIA telah menjadi sebahagian daripada mekanisme perancangan pembangunan di Malaysia, masih terdapat cabaran dalam memastikan keberkesanan proses ini, khususnya dari aspek pemantauan dan penguatkuasaan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengkaji semula dasar dan perundangan berkaitan SIA bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaannya serta memastikan matlamat pembangunan lestari dapat dicapai.

Kerangka perundangan merujuk kepada sistem atau rangka kerja yang terdiri daripada undang-undang, peraturan, garis panduan, polisi, dan dasar yang mengawal serta mengatur sesuatu bidang atau proses dalam sesebuah negara. Ia berfungsi sebagai asas perundangan yang menetapkan hak, tanggungjawab, prosedur, serta mekanisme penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan dan keberkesanan sesuatu pelaksanaan dasar atau program. Dalam konteks SIA, kerangka perundangan merangkumi peruntukan undang-undang utama seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), garis panduan dan manual rasmi yang diterbitkan oleh pihak berkuasa seperti PLANMalaysia, serta dasar-dasar berkaitan yang memperkukuh

keperluan dan pelaksanaan SIA. Selain itu, ia turut melibatkan mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan SIA dilaksanakan secara sistematik, telus, dan berkesan.

Kerangka ini bertujuan untuk mengurangkan kesan negatif pembangunan terhadap masyarakat serta mengoptimalkan manfaat sosial melalui proses penilaian impak yang berstruktur. Oleh itu, perbincangan lebih lanjut mengenai perkembangan dan cabaran dalam pelaksanaan kerangka perundangan SIA akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian seterusnya manuskrip ini.

PERBINCANGAN

PERKEMBANGAN DASAR DAN POLISI SIA DI MALAYSIA

Kajian SIA dalam proses pembentukan dasar dilihat sebagai satu keperluan penting bagi menilai potensi impak sesuatu dasar terhadap masyarakat. SIA merupakan suatu alat penilaian yang digunakan untuk mengenal pasti dan menilai kesan sosial daripada pelaksanaan projek infrastruktur dan projek berskala besar. Kaedah ini telah diguna pakai secara meluas di pelbagai negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Kanada, India, Afrika Selatan, New Zealand dan Jepun, yang masing-masing melaksanakan SIA berdasarkan kerangka perundangan dan keperluan dasar nasional mereka (Suaree et al, 2022). Malaysia juga tidak terkecuali memandangkan dasar-dasaryang dilaksanakan oleh kerajaan sememangnya memberi implikasi secara langsung mahupun tidak langsung kepada rakyat. Oleh itu, penerapan kajian SIA pada peringkat penggubalan dasar serta penglibatan awam dan pihak-pihak berkepentingan wajar dilaksanakan bagi memastikan dasar yang digubal bersifat inklusif,

menyeluruh dan dapat diterima oleh masyarakat secara umum.

Aspek sosial telah mula diterapkan dalam perancangan guna tanah melalui soal selidik sosio-ekonomi bagi pelan pembangunan yang telah disediakan oleh PLANMalaysia Persekutuan dalam Rancangan Malaysia ke 5 (RMK5, 1986-1990). Ianya dapat dilihat apabila SIA telah diadaptasi oleh PLANMalaysia dalam beberapa rancangan tempatan pada tahun 1998. Contohnya rancangan tempatan Cyberjaya, Sungai Merab, Salak Tinggi dan Dengkil (Dahlia Rosly, 2009).

Penerapan SIA melalui rancangan tempatan menunjukkan kepentingan penilaian ini dalam membantu kawalan perancangan bandar yang lebih baik. Rancangan ini juga mempunyai kesan kepada orang awam. Oleh itu, penggabungan SIA di dalam rancangan tempatan adalah suatu langkah yang tepat dalam mengelakkan atau mengurangkan impak negatif bagi cadangan projek pembangunan.

Usaha penerangan penilaian ini berterusan dilaksanakan di mana PLANMalaysia membentangkan kertas kerja berkenaan SIA kepada pelbagai agensi kerajaan di bengkel, seminar dan mesyuarat. Kerjasama dengan universiti-universiti tempatan dan institusi pembangunan giat dijalankan melalui pembentangan kertas kerja berkaitan dengan SIA (Dahlia Rosly, 2009). Hal ini menunjukkan bahawa usaha penerapan SIA di dalam pembentukan dasar telah bermula awal lagi sehingga kini secara konsisten.

Selain itu, isu dan perbincangan mengenai komponen sosial ini sememangnya ada diketengahkan. Hasil perbincangan menunjukkan

kepentingan terhadap keperluan polisi sosial dalam mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial (JKM). Oleh yang demikian, suatu polisi iaitu Dasar Sosial Negara (DSN) telah diluluskan oleh kabinet pada 19 Februari 2003.

DSN merupakan dasar pembangunan sosial yang berasaskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan ke arah kesejahteraan hidup komuniti yang lebih mantap. Antara objektif DSN ialah untuk membangunkan dan memperkukuh sistem sokongan sosial serta perkhidmatan sosial. Strategi perencanaan yang dicadangkan di bawah objektif ini adalah dengan mensyaratkan pelaksanaan SIA bagi perancangan semua program dan aktiviti pembangunan awam dan swasta (Dasar Sosial Negara, 2003).

Polisi lain yang selari dengan DSN adalah Dasar Komuniti Negara (DKN). DKN telah diluluskan di peringkat kabinet pada 23 November 2018. Antara objektif utama dasar ini ialah untuk menggalakkan penduduk mengambil langkah proaktif dalam pengurusan dan kemudahan awam di sekitar kawasan tempat tinggal mereka. Langkah ini sangat mustahak dalam mewujudkan kehidupan yang harmoni dan jitu dalam kalangan penduduk. Oleh itu, sekiranya penggerak projek tidak mematuhi proses SIA dalam menjalankan pembangunan, maka ia akan mengakibatkan percanggahan kepada objektif dasar ini.

Pada tahun 2015, Malaysia bersama 192 negara lain telah menyertai pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDG) (PBB, 2015). Dasar ini mempunyai 17 matlamat yang merangkumi pertumbuhan ekonomi yang inklusif, inklusiviti sosial, perlindungan alam

sekitar dan lain-lain. Ketua Perangkawan Negara, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin menyetujui bahawa Malaysia bersungguh-sungguh dalam mendukung agenda SDG (Berita Harian, 2019). Inisiatif dan strategi ini diwajibkan menerusi Rancangan Malaysia ke 11 (Jabatan Perangkaan Negara, 2020) dan juga Rancangan Malaysia ke 12.


Tambahan pula, Matlamat ke-11 dalam Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDG) memberi penekanan khusus terhadap usaha mewujudkan bandar dan komuniti yang mampan. Matlamat ini bertujuan untuk memastikan bandar dan penempatan manusia berkembang dengan cara yang inklusif, selamat, berdaya tahan, dan lestari. Ia merangkumi aspek seperti perancangan bandar yang lebih baik, penyediaan perumahan mampu milik, pengangkutan awam yang efisien, serta perlindungan warisan budaya dan alam sekitar. Dalam konteks SIA, matlamat ini amat relevan kerana penilaian impak sosial membantu memastikan bahawa setiap projek pembangunan mengambil kira keperluan sosial dan kesejahteraan masyarakat setempat.

Selain itu, Matlamat ke-6, ke-13, dan ke-15 turut memainkan peranan penting dalam perkembangan dan pelaksanaan SIA. Matlamat ke-6 berkaitan dengan memastikan ketersediaan serta pengurusan air bersih dan sanitasi yang mampan untuk semua. Ini berkait rapat dengan SIA, terutamanya dalam projek pembangunan yang melibatkan penggunaan sumber air, pembinaan sistem sanitasi, atau pembangunan kawasan perumahan yang boleh memberi kesan kepada bekalan air tempatan. Dengan adanya SIA, aspek

kebersihan, kesihatan awam, dan akses kepada air bersih dapat dipantau serta dipertimbangkan dalam proses perancangan dan pembangunan.

Matlamat ke-13 pula menekankan tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya. Pembangunan yang tidak dirancang dengan baik boleh menyumbang kepada peningkatan pelepasan karbon, kemusnahan ekosistem, serta risiko bencana alam seperti banjir dan pencemaran udara. Dalam hal ini, SIA berfungsi sebagai satu alat yang dapat menilai sejauh mana sesuatu projek pembangunan boleh memberi kesan terhadap persekitaran dan masyarakat, serta mencadangkan langkah mitigasi yang boleh diambil bagi mengurangkan risiko terhadap perubahan iklim. Ini termasuk penyesuaian terhadap amalan pembangunan lestari seperti penggunaan tenaga hijau, perancangan infrastruktur hijau, dan pemeliharaan kawasan hijau di bandar.

Matlamat ke-15 pula berkisar tentang melindungi, memulihkan, dan menggalakkan penggunaan lestari ekosistem daratan, mengurus hutan secara mampan, menangani kemerosotan tanah, serta menghentikan kepupusan biodiversiti. Dalam konteks SIA, projek pembangunan sering melibatkan perubahan guna tanah yang boleh menjejaskan ekosistem tempatan, habitat semula jadi, serta kesejahteraan komuniti yang bergantung kepada sumber semula jadi. Oleh itu, SIA berperanan dalam mengenal pasti potensi impak projek ke atas alam sekitar dan komuniti setempat, serta mencadangkan langkah-langkah pemuliharaan bagi memastikan pembangunan yang lebih lestari.



RAJAH 1 Perkaitan antara SDG, SIA dan Dasar-dasar Negara

Secara keseluruhannya, pelaksanaan SIA bukan sahaja berperanan sebagai alat untuk menilai kesan sosial, malah turut menyokong matlamat pembangunan lestari dengan memastikan bahawa pembangunan yang dijalankan tidak menjejaskan kesejahteraan sosial, alam sekitar, dan ekonomi. Justeru, penekanan terhadap Matlamat ke-6, ke-11, ke-13, dan ke-15 dalam pelaksanaan SIA diyakini dapat memastikan pembangunan di Malaysia terus berkembang secara mampan dan bertanggungjawab terhadap generasi akan datang.

Namun begitu, pelaksanaan SIA masih berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kekangan, khususnya daripada pihak pemaju. Antara cabaran utama ialah tanggungan kos yang lebih tinggi. Seperti yang diketahui, proses SIA kini semakin kompleks (Manual SIA, 2023) dan memerlukan penelitian di setiap peringkat. Pelantikan perunding bagi menyediakan laporan SIA merupakan satu keperluan dan cabaran kewangan ini berlanjutan sehingga ke peringkat pemantauan, sekali gus menjadi antara kekangan

utama dalam pelaksanaannya (Sinar Harian, 2019).

Statistik daripada Laporan Indikator SDG 2019 menunjukkan bahawa tahap pencemaran udara yang berlaku di sekitar kawasan penduduk adalah semakin baik antara tahun 2017 dan 2018 (Jabatan Alam Sekitar). Langkah penjagaan ini penting dalam menjamin kesinambungan antara masyarakat dan pembangunan, bersesuaian dengan matlamat yang ditetapkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Keterlibatan Malaysia dalam polisi berunsurkan sosial sebelum penyertaan di peringkat global menunjukkan Malaysia telah komited mempertimbangkan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam rancangan pembangunan negara. Amalan ini bukan sahaja bermula pada awal tahun 1990, malah sejak kemerdekaan pada 1957 (Jabatan Perangkaan Negara, 2020). Aspek kemampanan dan inklusiviti menjadi tonggak utama dalam pembangunan di Malaysia. Sehubungan itu, perkembangan pelaksanaan SIA di

Malaysia sejak penggubalan Akta A1522 pada tahun 2017 adalah selari dengan arus pembangunan negara yang semakin pesat. Malah, kerangka perundangan SIA perlu diperkukuh dan digerakkan dengan lebih proaktif bagi menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pihak-pihak berkepentingan seperti penduduk terkesan, pemaju, perunding, serta agensi berkaitan.

EVOLUSI MANUAL SIA DI MALAYSIA

Selain dasar, SIA juga mempunyai rujukan panduan dan manual yang berfungsi sebagai garis panduan kepada penggerak projek, perunding SIA dan pihak berkepentingan dalam penyediaan laporan SIA. Manual ini bertujuan untuk memastikan laporan yang dihasilkan berkualiti serta dapat membantu dalam proses membuat keputusan bagi cadangan projek pembangunan. Namun, Manual SIA ini adalah bersifat persuasif dan tidak mempunyai kuasa yang setara dengan peruntukan di bawah Akta (Suaree, 2022). Ketidakpatuhan terhadap garis panduan atau kandungan dalam Manual tidak menyebabkan laporan SIA terbatal secara automatik. Sebaliknya, manual ini hanya mengikat pihak berkepentingan dari segi moral dan amalan terbaik dalam pelaksanaan SIA.

Buku panduan pertama SIA di Malaysia diterbitkan oleh Ibu Pejabat Perdana Menteri pada tahun 2000 (Simposium Antarabangsa SIA, 2022). Dua tahun kemudian, Buku Panduan SIA di Malaysia 2002 telah dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Program Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu. Menurut Gaim James Lunkapis, kerangka pertama buku ini telah siap pada tahun tersebut, namun kandungannya masih kekal

sama sehingga kini dan tidak digunapakai secara rasmi oleh PLANMalaysia. Walaupun begitu, pengamal SIA masih menggunakan buku ini sebagai rujukan dalam proses pelaksanaan SIA (LUNar, 2022).

Pada tahun 2012, sebuah manual bertajuk Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi Projek Pembangunan telah diterbitkan oleh Institut Sosial Malaysia, yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Institut Sosial Malaysia, 2021). Manual ini merupakan edisi pertama yang menggariskan beberapa aspek penting berkaitan pelaksanaan SIA. Menurut mantan Perdana Menteri ketika itu, Yang Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak, manual ini merupakan salah satu usaha kerajaan dalam memperluaskan amalan SIA dalam perancangan dan pembangunan di Malaysia (Manual SIA, 2012).

Namun, pada ketika itu, masih belum terdapat sebarang keperluan berkaitan SIA yang termaktub di bawah Akta 172 atau mana-mana perundangan lain. Oleh itu, tiada buku rasmi atau garis panduan yang komprehensif mengenai penyediaan SIA yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan. Manual terdahulu hanya merangkumi beberapa aspek terpilih berkaitan SIA di Malaysia. Oleh yang demikian, beberapa agensi telah mengambil inisiatif untuk menyediakan garis panduan tersendiri bagi melancarkan operasi masing-masing.

Sebagai contoh, garis panduan dan prosedur SIA bagi operasi pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia telah diwujudkan untuk membantu pihak berkepentingan dalam pengurusan hutan secara lestari. Garis panduan ini dikenali sebagai Garis

Panduan dan Pendekatan Penilaian Impak Sosial untuk Standard Minyak Sawit Mampan Malaysia, yang bertujuan membantu mengurangkan serta mengelakkan impak negatif terhadap kumpulan sasaran yang terjejas (UPM, 2012).

Pada tahun 2018, PLANMalaysia telah menerbitkan Manual Penilaian Impak Sosial (Manual SIA) Edisi Kedua, yang berfungsi sebagai panduan utama dalam penyediaan laporan SIA sebelum penerbitan Edisi Ketiga. Manual ini memperkenalkan pelbagai perubahan dan penambahbaikan berbanding edisi terdahulu, selaras dengan keperluan semasa serta perkembangan dasar dan perundangan berkaitan SIA. Pindaan ini bertujuan untuk menangani pelbagai isu yang timbul dalam pelaksanaan SIA, khususnya yang berkaitan dengan proses penilaian serta pematuhan terhadap keperluan perancangan pembangunan.

Sebagai contoh, Manual SIA 2018 memperkenalkan sistem pengelasan kategori SIA, garis panduan pelaksanaan yang lebih terperinci, serta prosedur penilaian yang lebih sistematik. Penambahbaikan ini memberikan panduan yang lebih jelas kepada pihak berkepentingan, termasuk pemaju, perancang bandar, dan pihak berkuasa, dalam penyediaan laporan SIA yang lebih komprehensif serta memenuhi keperluan perundangan dan perancangan pembangunan di Malaysia berbanding sebelum ini.

Manual SIA (2018) merungkai SIA di Malaysia yang terbahagi kepada tiga kategori utama, iaitu SIA Kategori 1, SIA Kategori 2 dan SIA Kategori 3. Setiap kategori ini berbeza-beza dan mempunyai jenis pembangunan yang tersendiri. SIA Kategori 1 dan 2 adalah kategori projek yang diselia dan diputuskan oleh Jabatan Perancangan

Bandar dan Desa persekutuan. Manakala, SIA Kategori 3 adalah kategori projek yang diselia dan diputuskan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa negeri (PLANMalaysia@Negeri).

Jenis pembangunan bagi SIA Kategori 1 dan 2 ada dinyatakan melalui peruntukan di bawah Akta 172. Namun, tiada ketetapan jenis pembangunan bagi SIA Kategori 3. Manual SIA (2018) hanya menyenaraikan contoh projek pembangunan di bawah kategori tersebut seperti pusat hiburan, kawasan perkuburan, perlombongan, kawasan perindustrian utama, projek akuakultur, loji, pusat penapisan minyak dan gas serta tapak pelupusan sisa pepejal.

Sekiranya pihak berkuasa tempatan (PBT) dan PLANMalaysia@Negeri mendapati bahawa terdapat projek pembangunan lain yang relevan di bawah bidang kuasa negeri, maka projek tersebut boleh dimasukkan di bawah kategori ini. Contoh ini dapat dilihat melalui pelaksanaan manual atau tatacara negeri. PLANMalaysia@Selangor telah mengeluarkan Tatacara Pemprosesan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Peringkat Negeri Selangor pada November 2020 (Tatacara SIA Selangor, 2020). Tatacara ini adalah edisi kedua yang telah dikemaskini daripada tatacara edisi pertama yang dikeluarkan pada April 2019 (Tatacara SIA Selangor, 2019).

Tatacara tersebut memperluas serta memperincikan senarai projek-projek pembangunan yang tertakluk di bawah Kategori 3 seperti penyenaian projek pusat penempatan pekerja, talian rentis/rezab utiliti dan laluan pengangkutan rel. Hal ini membuka ruang dan fleksibiliti kepada pihak berkuasa negeri dalam menentukan

permohonan laporan SIA daripada semasa ke semasa.

Negeri lain seperti Negeri Sembilan turut mempunyai tatacara yang tersendiri. Tatacara tersebut telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 3/2020 pada 9 Jun 2020 (Tatacara SIA Negeri Sembilan, 2020). Negeri Kedah memakai tatacara SIA pada Julai 2020 (Tatacara SIA Kedah, 2020) dan Melaka pula telah memakai tatacara SIA pada Julai 2021 (Tatacara SIA Melaka, 2021). Beberapa negeri lain dalam fasa memuktamadkan pemrosesan tatacara negeri masing-masing seperti negeri Terengganu, Perak dan lain-lain. Semua tatacara yang disediakan ini selaras dengan Manual SIA (2018), namun perbezaan ketara antara tatacara ini adalah aktiviti dan pembangunan bagi SIA Kategori 3 yang bergantung pada keadaan dan demografi negeri-negeri.

Walaupun Manual SIA (2018) telah menyediakan senarai projek pembangunan di bawah kategori tersendiri, tetapi masih wujud sesetengah projek yang tidak termasuk di dalam manual tersebut. Contohnya bagi industri kelapa sawit, satu garis panduan bagi minyak sawit di Malaysia telah diterbitkan. Hal ini demikian kerana tiada panduan rasmi yang praktikal tentang cara SIA perlu dikendalikan oleh pengusaha kelapa sawit berlandaskan keperluan Standard Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) (Garis Panduan MSPO, 2021).

Manual SIA (2018) tidak dapat digunakan secara langsung bagi industri ini. Terdapat beberapa senario yang khusus bagi industri kelapa sawit yang harus diambil kira oleh pengusaha kelapa sawit sewaktu mengendalikan SIA, namun hal ini tidak terdapat dalam manual tersebut. Maka, mereka boleh

merujuk kepada garis panduan yang diterbitkan itu.

Selain itu, Manual SIA 2018 turut memperincikan tiga fasa utama dalam proses pelaksanaan SIA, iaitu penyediaan laporan SIA, pemantauan dan penilaian, serta audit. Fasa penyediaan laporan terdiri daripada enam peringkat, bermula dari proses penapisan sehingga ke pengurusan impak sosial. Sebelum ini, berdasarkan Manual SIA 2012, proses SIA dimulakan terus dengan penentuan skop tanpa melalui peringkat penapisan. Walau bagaimanapun, sejak Manual SIA 2018 diperkenalkan, proses terbaru telah memasukkan penapisan sebagai langkah awal dalam penyediaan laporan SIA.

Pengenalan proses penapisan ini mencerminkan usaha untuk memastikan setiap projek yang memerlukan SIA benar-benar relevan dengan keperluan perundangan dan perancangan pembangunan. Oleh itu, pihak berkepentingan perlu menelusuri dan memahami proses yang dikemas kini dalam Manual SIA 2018 dengan teliti bagi memastikan penyediaan laporan SIA yang lebih sistematik, komprehensif, dan selari dengan keperluan semasa.

Namun, pelaksanaan SIA di Malaysia masih menghadapi pelbagai cabaran dan kekangan, yang memerlukan penambahbaikan berterusan bagi memastikan keberkesanan serta pematuhan terhadap keperluan perundangan dan dasar pembangunan. Sehubungan itu, Manual SIA Edisi Ketiga telah diterbitkan dan dirasmikan pada tahun 2023 (PLANMalaysia) sebagai sebahagian daripada usaha untuk menangani isu-isu yang berbangkit serta meningkatkan kualiti dan ketelusan dalam penyediaan laporan SIA.

Penerbitan edisi terkini ini bertujuan untuk memperkemas proses SIA dengan menambah baik aspek metodologi, prosedur pentadbiran, serta garis panduan teknikal yang berkaitan. Antara aspek utama yang diberikan penekanan dalam Manual SIA Edisi Ketiga termasuklah:


- **Penglibatan Awam (*Public Participation*):** Edisi ini memberikan satu bab khusus berkaitan penglibatan awam menerusi bab 10, yang tidak diuraikan secara mendalam dalam versi manual sebelumnya (Manual SIA, 2023). Penjelasan yang lebih komprehensif diberikan mengenai mekanisme penglibatan awam, termasuk keperluan bagi keterlibatan komuniti yang lebih bermakna dalam proses SIA. Spektrum penglibatan awam turut dijelaskan bagi menggambarkan pelbagai tahap pengaruh masyarakat dalam proses membuat keputusan bagi cadangan pembangunan (Suaree et al., 2024). Pendekatan ini adalah sejajar dengan prinsip demokrasi dan keadilan sosial yang menekankan hak masyarakat untuk menyuarakan pandangan serta kebimbangan mereka terhadap sesuatu projek pembangunan.
- **Terma Kelayakan Individu yang Menyediakan dan Menilai SIA:** Manual ini turut menjelaskan kelayakan minimum dan kepakaran yang diperlukan bagi individu yang terlibat dalam penyediaan serta penilaian laporan SIA. Antara syarat kelayakannya adalah mereka perlu memiliki kelayakan akademik yang relevan dan menghadiri kursus kecekapan yang dijalankan oleh PLANMalaysia (Suaree et al., 2024).

Langkah ini bertujuan untuk memastikan standard profesionalisme yang tinggi dalam penilaian impak sosial, serta mengelakkan penyediaan laporan yang tidak menepati kriteria teknikal dan akademik yang ditetapkan.

- **Pengelasan dan Kategori SIA:** SIA kini diklasifikasikan dengan lebih terperinci, di mana kategori SIA dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu SIA Kategori A dan SIA Kategori B (Suaree et al., 2024). Pembahagian ini dibuat berdasarkan skala dan tahap kesan sosial yang dihasilkan oleh sesuatu projek. Pengelasan ini membolehkan proses penilaian yang lebih sistematik dan telus, sekaligus memudahkan pihak berkepentingan untuk memahami jenis SIA yang perlu dilaksanakan serta tahap penilaian yang sesuai, bergantung kepada saiz, lokasi, dan skop projek pembangunan yang dicadangkan.

Selain aspek di atas, Manual SIA Edisi Ketiga juga memperkenalkan proses pelaksanaan yang lebih terperinci bagi memastikan keseragaman dalam kaedah penilaian dan pematuhan kepada dasar perancangan pembangunan di Malaysia. Manual ini bukan sahaja menjadi rujukan utama bagi perunding SIA, tetapi juga berfungsi sebagai dokumen kawal selia yang boleh digunakan oleh pihak berkuasa perancang dalam membuat keputusan berhubung kelulusan sesuatu projek. Dengan adanya garis panduan yang lebih tersusun dan menyeluruh, pelaksanaan SIA di Malaysia dijangka akan lebih sistematik, telus, dan selari dengan objektif pembangunan mampan negara.

Kronologi Penerbitan Garis Panduan & Manual SIA di Malaysia



RAJAH 2 Kronologi Garis Panduan & Manual SIA di Malaysia

KERANGKA PERUNDANGAN – PERLEMBAGAAN DAN AKTA BERKAITAN

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perancangan Bandar dan Desa, kecuali ibu kota Persekutuan merupakan salah satu butiran dalam Senarai Bersama, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Senarai Bersama merujuk kepada kuasa legislatif dan eksekutif yang dikongsi bersama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Dalam kata lain, kedua-dua kerajaan mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang dan melaksanakannya.

Pelaksanaan kuasa bersama dalam sebuah negara persekutuan seperti Malaysia memerlukan kerjasama yang baik antara kedua-dua peringkat kerajaan. Dalam pengajian federalisme, hubungan antara dua peringkat kerajaan biasanya dipanggil dengan istilah *intergovernmental relations*. Istilah ini merujuk kepada:

“the formal and informal processes, institutional arrangements, agreements and structures for bilateral and multilateral cooperation between the respective levels of governments” (de Villiers, 2012, 672)

Hal ini bermaksud, hubungan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang melibatkan proses formal dan tidak formal serta perjanjian dan persefahaman dalam pelbagai bidang.

Hubungan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri diwujudkan bagi tujuan koordinasi, rundingan dan kolaborasi. (Nurhafilah Musa et.al, 2022) Apabila wujud kebergantungan yang tinggi antara kedua-dua peringkat kerajaan, *cooperative federalism* atau federalisme kerjasama adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Dalam konteks perancangan bandar dan desa, perkara ini memerlukan kerjasama yang baik dan padu antara pelbagai pihak supaya wujud keselarasan antara kedua-dua peringkat kerajaan. Penyelarasan ini penting supaya usaha yang dirancang dan dilakukan dalam merancang pembangunan bandar dan desa ini mengambil kira faktor sosial dan kesejahteraan hidup masyarakat.

Perancangan bandar dan desa juga melibatkan butiran-butiran lain dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan seperti Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Senarai Persekutuan Dan Senarai Negeri

Bil	Senarai Persekutuan	Senarai Negeri
1	Butiran 10 – Perhubungan dan Pengangkutan	Butiran 2 – Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, tanah – termasuk – pemegangan tanah, tanah rizab Melayu.... permit dan lesen untuk mencari gali bagi lombong....
2	Butiran 11 – Kerja-kerja dan kuasa Persekutuan termasuk (a) kerja raya bagi maksud persekutuan (b) bekalan air..... (c) elektrik....	Butiran 3 - Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, pertanian dan perhutanan...
3	Butiran 23 – Tertakluk kepada butiran 5(f) Senarai Negeri: panggung, panggung wayang....; tempat hiburan awam	Butiran 4 – Kerajaan tempatan di luar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, termasuk – pentadbiran tempatan....
4	Butiran 25A – Pelancongan	Butiran 5 - Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, perkhidmatan lain yang berciri tempatan, iaitu: rumah tumpangan dan rumah pemalaman; tanah perkuburan dan tempat pembakaran mayat; Pasar dan pasar ria
5		Butiran 12A – Perpustakaan, muzium....

Kesemua butiran di atas menunjukkan bahawa perancangan bandar dan desa turut melibatkan pelbagai kuasa di bawah kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Oleh yang demikian, SIA amat relevan untuk dilaksanakan bagi memastikan pelbagai aspek diambil kira dalam mana-mana projek yang ingin dibangunkan.

PERUNTUKAN AKTA (AKTA 172)

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) merupakan sebuah akta yang mengawal selia perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia. Akta ini telah mendapat perkenan Diraja pada 18 Mac 1976 dan diwartakan pada 25 Mac 1976 (Akta 172, 2021). Akta 172 telah melalui beberapa fasa pindaan sehingga tahun 2017 (Suaree et al., 2022). Pada tahun 2001, Akta 172 telah dipinda melalui Akta A1129 di mana elemen penglibatan awam telah dimasukkan

melalui beberapa peruntukan. Sebagai contoh, seksyen 12A menyatakan bahawa pihak berkuasa perancang tempatan perlu memastikan publisiti diberikan kepada masyarakat khususnya bagi kawasan yang terlibat di bawah draf rancangan tempatan (Akta A1129, 2001).

Penglibatan awam merupakan satu pendekatan berbentuk rundingan yang melibatkan komuniti dalam penyediaan SIA. Peranan SIA bukan sekadar menghasilkan laporan semata-mata, tetapi merangkumi aspek yang lebih luas, termasuk keterlibatan masyarakat dalam proses penilaian dan keputusan pembangunan. Penglibatan awam yang efektif dapat meningkatkan pemahaman serta penerimaan masyarakat terhadap sesuatu projek, sekali gus mengurangkan potensi konflik dan memastikan pembangunan yang lebih inklusif. Kepentingan aspek ini semakin ditekankan melalui pindaan Manual SIA Edisi Ketiga, yang

memperincikan garis panduan lebih jelas mengenai prosedur dan tahap penglibatan awam dalam pelaksanaan SIA, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

SIA boleh memberi nilai tambah kepada perancangan projek di mana projek boleh bersifat mesra rakyat dengan mengambil kira pandangan umum dan menerapkan elemen-elemen yang dapat mengurangkan impak sosial kepada penduduk sekitar. Walaupun seksyen 12A tidak menyatakan secara spesifik berkenaan dengan SIA, namun prosedur penglibatan awam ini boleh digunakan sebagai input dalam proses penyediaan laporan SIA (Manual SIA, 2018).

Terdapat kes di Mahkamah Rayuan, iaitu kes *Mohamad Yusof Bin A Bakar & Anor V Datuk Bandar Kuala Lumpur (2019) MLJU 1098* di mana mahkamah membenarkan rayuan pihak perayu sebagai orang awam untuk mendapatkan laporan-laporan teknikal seperti laporan permohonan pemajuan, laporan penilaian trafik, laporan impak sosial dan lain-lain laporan. Menurut kes ini, pihak responden telah membuat permohonan kebenaran merancang bagi projek pembangunan di sekitar Taman Tiara Titiwangsa, namun tiada akses pada laporan-laporan teknikal diberikan kepada rakyat awam berkenaan perancangan di sekitar kawasan tersebut. Hal ini menunjukkan kepentingan hak masyarakat yang terlibat untuk memberi input terhadap cadangan pembangunan melalui prosedur penglibatan awam.

Bagi memenuhi konteks perundangan pelaksanaan SIA, maka pada 9 Januari 2017, Akta 172 telah dipinda lagi. Akta ini telah diperkenan oleh Diraja serta diwartakan pemakaiannya pada 16 Januari 2017. Pindaan akta ini terpakai bagi seluruh

negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Namun, akta ini akan mula berkuat kuasa pada sesebuah negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) masing-masing berserta dengan persetujuan daripada pihak Menteri melalui Warta Negeri (Akta A1522, 2017).

Kini terdapat lapan buah negeri yang telah menerima pakai Akta A1522 seperti negeri Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Pahang, Negeri Sembilan, Terengganu, Kedah dan Perak (Status Pewartaan A1522, 2021). Negeri-negeri yang menerima pakai Akta A1522 ini juga yang telah mula menyediakan tatacara seperti diperbincangkan di atas mengikut peringkat negeri masing-masing.

Pindaan Akta ini ada menyatakan secara jelas tentang keperluan penyediaan laporan SIA bagi SIA Kategori A. Seksyen 20B (2) menyatakan:

Bagi maksud mendapatkan nasihat Majlis di bawah subseksyen (1), jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hendaklah mengemukakan kepada Majlis cadangan pemajuan itu bersama dengan suatu laporan penilaian impak sosial dan laporan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Oleh itu, mana-mana pemaju atau penggerak projek perlu menyediakan laporan SIA berserta laporan lain yang diperlukan bagi permohonan cadangan pembangunan yang ingin dilakukan khususnya bagi kategori pembangunan yang telah termaktub di bawah seksyen 20B.

Akta A1129 menyatakan jenis pembangunan yang turut serta di bawah SIA Kategori A. Berikut merupakan antara senarai projek pembangunan yang ada diperuntukkan di bawah Akta.

Seksyen 20B (1) Akta A1522 menyatakan:

- (a) apa-apa penebusgunaan pinggir laut tidak termasuk penebusgunaan bagi pembinaan jeti atau pemulihan pantai; dan
- (b) apa-apa pembinaan infrastruktur utama negara termasuklah-
 - (i) lapangan terbang, pelabuhan laut, pelabuhan darat, rangkaian pengangkutan kereta api, lebuhraya, stesen jana kuasa, empangan dan tapak pembuangan sisa toksik; dan
 - (ii) infrastruktur lain yang berkepentingan negara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis

Seksyen 22 (2A) Akta A1129 pula menyatakan tentang jenis pembangunan seperti berikut:

- (a) pembangunan suatu perbandaran baru bagi penduduk yang melebihi sepuluh ribu, atau meliputi suatu

Kawasan yang lebih daripada satu ratus hektar, atau kedua-duanya;

- (b) suatu pemajuan bagi pembinaan apa-apa infrastruktur atau kemudahan utama; atau
- (c) suatu pemajuan yang melibatkan puncak atau lereng bukit, dalam Kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan alam sekitar yang sensitif dalam suatu rancangan pemajuan.

Sebelum ini, terdapat kekeliruan dalam menentukan jenis pembangunan di bawah Kategori 1 dan 2. Namun, pengelasan terkini berjaya menjelaskan pembahagian jenis pembangunan, di mana SIA Kategori A perlu dirujuk kepada pihak PLANMalaysia Persekutuan, manakala SIA Kategori B hanya perlu dirujuk kepada pihak PLANMalaysia Negeri. Jadual 1 berikut menyenaraikan ringkasan jenis pembangunan mengikut kategori masing-masing.

JADUAL 2. Jenis Pembangunan Mengikut Kategori Sia

Punca kuasa	Kategori SIA	Jenis Pembangunan
Seksyen 20B (1), Akta 172	Kategori A	Penebusgunaan pinggir laut; Pembinaan infrastruktur utama negara; (i) lapangan terbang, pelabuhan laut, pelabuhan darat, rangkaian pengangkutan kereta api, lebuhraya, stesen jana kuasa, empangan dan tapak pembuangan sisa toksik; dan (ii) infrastruktur lain yang berkepentingan negara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.
Seksyen 22(2A)		Perbandaran baru; Pemajuan bagi pembinaan apa-apa infrastruktur atau kemudahan utama; Pemajuan yang melibatkan puncak atau lereng bukit
Manual SIA	Kategori B	Ditetapkan dalam Manual dan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri

Sumber: Akta 172 & Manual SIA

KESIMPULAN

Walaupun perkembangan SIA tidak sepantas penilaian lain seperti Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment, EIA*), perubahan dan penambahbaikan dalam kerangka perundangannya tetap berlaku. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas dalam reformasi Manual SIA Edisi Ketiga, yang memperincikan perkembangan dasar, polisi, dan peruntukan undang-undang di bawah Akta 172. Kerangka perundangan SIA juga berpotensi untuk berkembang lebih jauh, bergantung pada kepentingan politik dan kehendak awam.

Jika dibandingkan dengan penyediaan EIA yang bermula pada tahun 1986 melalui Akta A636, tempoh pelaksanaan EIA jauh lebih lama berbanding SIA. Tahap kesedaran terhadap SIA juga masih rendah jika dibandingkan dengan EIA. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah berusaha gigih membangunkan EIA pada peringkat awal, dan pelaksanaannya semakin efektif dari semasa ke semasa. Perkembangan perundangan dan garis panduan yang mengawal selia penilaian ini turut mengalami penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan keberkesanan dalam isu alam sekitar. Berdasarkan model perkembangan EIA, SIA juga berpotensi untuk maju dengan memperkukuhkan pengawalseliaan menerusi Akta 172.

Antara kelemahan yang dapat dikenal pasti setakat ini adalah berkenaan dengan ketidakseragaman di dalam pelaksanaan SIA bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Penerimaannya masih belum menyeluruh. Sebagai contoh, pelaksanaan SIA negeri Selangor berbeza dan jauh ke hadapan berbanding negeri-negeri lain. Ianya disarankan agar Akta 172 untuk

menyatakan secara jelas tentang penyeragaman pelaksanaan SIA di Malaysia.

Isu lain yang timbul adalah bahawa Akta 172 menyatakan keperluan penyediaan laporan SIA bagi projek pembangunan di bawah Kategori A. Namun, akta ini tidak memperuntukkan secara jelas aspek kelulusan, pelaksanaan, dan pemantauan SIA. Selain itu, ia juga tidak menyentuh tentang keperluan laporan SIA bagi projek pembangunan di bawah Kategori B.

Oleh itu, Akta 172 wajar menetapkan keperluan SIA bagi kedua-dua kategori serta memperincikan proses berkaitan, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Walaupun penjelasan terperinci tidak semestinya dimasukkan dalam peruntukan akta, punca kuasa yang jelas mengenai kewajipan penyediaan SIA bagi kedua-dua kategori adalah penting bagi mengelakkan sebarang manipulasi dalam penyediaan laporan SIA untuk cadangan pemajuan projek.

Prosedur pelaksanaan SIA di dalam Manual bersifat persuasif seperti yang diterangkan di bahagian atas dan berbeza dengan peruntukan di bawah Akta. Ketidakpatuhan kepada cadangan daripada garis panduan tidak menyebabkan laporan SIA terbatal. Manual hanya mengikat secara moral terhadap pihak berkepentingan. Pindaan Akta perlu dilakukan dengan memasukkan peruntukan berkaitan bagi pelaksanaan yang lebih menyeluruh.

Oleh itu, analisis lanjut perlu dilakukan untuk mengkaji jurang dan isu perundangan dalam pelaksanaan SIA, khususnya dalam aspek pemantauan proses, bagi memastikan penambahbaikan dapat dilaksanakan oleh semua pihak yang

bertanggungjawab. Henk Becker (2003) menyatakan bahawa SIA kebiasaannya melibatkan beberapa peringkat kajian untuk meneliti kesan pembangunan projek pada masa hadapan. Kajian ini berpotensi merangsang pembangunan yang lebih berkesan, terutamanya bagi kepentingan masyarakat. Maka, pelaksanaan SIA perlu dikuatkuasakan dengan lebih tegas bagi mewujudkan persekitaran yang selamat, inklusif, dan berdaya mampan, selari dengan agenda kerajaan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (Dasar Kerajaan, 2021).

RUJUKAN

- Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985 (Akta A636), (1986).
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), (1976).
- Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) Akta 2001 (Akta A1129), (2001).
- Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) Akta 2017 (Akta A1522), (2017).
- Bernamea (2019). Malaysia Komited Sokong Agenda SDG 2030. Berita Harian (Akses 21 Ogos 2024) <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/599321/malaysia-komited-sokong-agenda-sdg-2030>.
- Burdge, R.J. dan Vanclay, F. (1995). Social impact assessment, in F. Vanclay and D. Bronstein (eds), *Environmental and Social Impact Assessment*, Chichester: Wiley, 31-66.
- Dahlia Rosly (2009). *Social Impact Assessment in Malaysia*. (Selangor: Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA)).
- De Villiers, B (2012) *Codification of Intergovernmental Relations by way of Legislation: The Experience of South Africa and Potential Lessons for Young Multitiered Systems*. Heidelberg Journal of International Law 72: 671-694
- Frank Vanclay (2003). *International Principles for Social Impact Assessment*. *Impact Assessment and Project Appraisal*, volume 21, 1, Mac 2003, 5–11.
- Gaim James Lunkapis (2002). SIA. (Akses 5 Feb 2025). *Land Use and Natural Resources (LUNaR)*. https://lunar3.wordpress.com/sia/#_ftn1
- Henk Becker (2003). *Theory Formation and Application in Social Impact Assessment*. *The International Handbook of Social Impact Assessment*. Edward Elgar Publishing.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa@PLANMalaysia (2022). *Pelaksanaan SIA bagi Projek Pembangunan di Malaysia*. Simposium SIA Antarabangsa di Asia Barat dan Pasifik. 17 June 2022.
- Jabatan Perangkaan Negara (2020). *Indikator Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia 2019*.
- Jabatan Alam Sekitar (2019). *Tahap Min Tahunan Jirim Habuk Halus (PM10) di bandaraya (berpemberat penduduk) 2017 dan 2018*.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah@PLANMalaysia@Kedah (2020). *Manual SIA Kedah*.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka@PLANMalaysia@Malacca (2021). *Manual SIA Melaka*.

- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan@PLANMalaysia@Negeri Sembilan (2020). Manual SIA Negeri Sembilan.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor@PLANMalaysia@Selangor (2019). Manual SIA Selangor Edisi Pertama.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor @PLANMalaysia@Selangor (2020). Manual SIA Selangor Edisi Kedua.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa@PLANMalaysia (2018). Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA). Bagi Projek Pembangunan, Edisi Ke-2.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2012). Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA). Bagi Projek Pembangunan, Edisi 1. 21-27.
- Mohamad Yusof bin A Bakar & Anor v Datuk Bandar Kuala Lumpur (2019) MLJU 1098.
- Nurhafilah Musa, Rasyidah Md Khalid, Faridah Jalil (2022) Partnership towards mainstreaming SDGs – The Need for Cooperative and Adaptive Federalism (GOAL 17), in Good Governance and the Sustainable Development Goals in Southeast Asia, Routledge 212-221
- Othman, M. S., Yahaya, J., & Singaravelloo, K., (2023). Social Impact Assessment: Practices & Applications in Malaysia. MSIA, 1-484.
- Perlembagaan Persekutuan
- Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MPOB) (2021). Garis Panduan dan Pendekatan Penilaian Impak Sosial untuk Standard Minyak Sawit Mampan Malaysia. 1-68.
- Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (2015). Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).
- PLANMalaysia (2023). Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial.
- Portal Rasmi Institut Sosial Negara. (2021). Pengenalan kepada Institut Sosial Negara. (Akses 16 Ogos 2024), <http://www.ism.gov.my/korporat/profil/pengenalan-kepada-ism>.
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dasar Sosial Negara. Dasar Sosial Negara. (Akses 6 Ogos 2024), <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=ZnR2Mk5GVkdDV1JCc2NITnlteHhnUT09>.
- Portal Rasmi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2011). Fungsi Jabatan. (Akses 9 Ogos 2024) <https://www.planmalaysia.gov.my/index.php/mengenai-kami/plan-malaysia/fungsi-jabatan>.
- Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dasar Sosial Negara. (Akses 6 Ogos 2024), <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=ZnR2Mk5GVkdDV1JCc2NITnlteHhnUT09>.
- Portal Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Rancangan Malaysia Ke 5 (1986-1990).
- Portal Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Rancangan Malaysia Ke 11 (2016-2020).

- Portal Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Dasar Komuniti Negara (2019).
- Portal Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Dasar Sosial Negara (2003).
- Portal Rasmi Kerajaan Malaysia. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (Akses 2 Oktober 2024),
<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30901?language=my>
- Sinar Harian (2019), “Pemaju mampu ‘serap’ kos tambahan tanpa rugi”
https://www.sinarharian.com.my/article/678317/berita/nasional/pemaju-mampu-serap-kos-tambahan-tanpa-rugi#google_vignette)
- Suaree, N. A. S. M., Kader, S. Z. S. A., Osman, M. M., & Manaf, Z. I. A. (2022). The development of policy and legal framework for social impact assessment in Malaysia. *Planning Malaysia*, 20.
- Suaree, N. A. S. M., Kader, S. Z. S. A., Osman, M. M., Manaf, Z. I. A., & Jaffree, W. K. A. W. (2023). A Comparative Analysis of the Legal Frameworks for SIA and EIA in Malaysia. *Planning Malaysia*, 21.
- Suaree, N. A. S. M., Kader, S. Z. S. A., & Osman, M. M. (2024). The Implementation of Public Participation for SIA and EIA in Malaysia. *Planning Malaysia*, 22.
- Suaree, N. A. S. M., Kader, S. Z. S. A., & Osman, M. M. (2024). Social Impact Assessment: A Comparison of The Legal Frameworks in Malaysia and New Zealand. *Planning Malaysia*, 22.
- Universiti Putra Malaysia (2012). *Garis Panduan dan Prosedur untuk Penilaian dan Pemantauan Impak Sosial Operasi Pengurusan Hutan (Semenanjung Malaysia) Perpustakaan Negara Malaysia*. 3-43.